

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 27 JUN 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 27

### Subsidi elektrik akan turunkan inflasi

## Subsidi elektrik akan turunkan inflasi

**KUALA LUMPUR** - CGS-CIMB Securities Bhd menjangkakan kenaikan tarif elektrik yang lebih rendah daripada jangkaan bagi separuh kedua 2023 akan menurunkan ramalan inflasi indeks harga pengguna (IHP) Malaysia kepada 2.8 peratus tahun ke tahun berbanding 3.3 peratus sebelum ini.

Firma penyelidikan itu juga meramalkan, Bank Negara Malaysia akan mengekalkan kadar dasar semalaman pada 3.00 peratus dalam mesyuarat Jawatankuasa Dasar Moneterinya pada Julai.

“Kami berpendapat, masih ada tekanan terhadap inflasi berikutan Jabatan Perangkaan Malaysia berkata, pihaknya menjangkakan gangguan baru-baru ini terhadap bekalan sayur-sayuran sejak Mei lepas (selepas Monsun Barat Daya) akan berlanjutan sehingga September dan hasrat kerajaan untuk meneruskan subsidi harga ayam dan telur, namun, tekanan harga masih tinggi terutamanya kategori daging.

“Kami juga mendapati tekanan harga masih berlaku terhadap komponen berkaitan pelancongan, khususnya penginapan di hotel, dijangka menggambarkan kenaikan

jumlah pelancong,” katanya menerusi nota pada Isnin.

Pada 23 Jun, kerajaan mengumumkan mengekalkan tarif elektrik pengguna domestik bagi tempoh separuh kedua 2023, melainkan penggunaan elektrik melebihi 1,500 kilowatt-jam (kWj) yang akan melibatkan satu peratus pengguna.

“Situasi ini jauh daripada jangkaan kami iaitu kenaikan tarif elektrik untuk penggunaan melebihi 600kWh, dan (ini) akan merendahkan risiko kenaikan kepada inflasi IHP pada separuh kedua 2023,” kata firma penyelidikan itu.

Inflasi IHP Malaysia merosot kepada 2.8 peratus tahun ke tahun pada Mei 2023 berbanding 3.3 peratus pada April 2023, manakala inflasi teras IHP turut berkurangan kepada 3.5 peratus tahun ke tahun daripada 3.6 peratus pada April 2023.

Inflasi harga yang menyederhana pada Mei 2023 disumbangkan terutamanya oleh pertumbuhan lebih perlahan bagi kos makanan dengan inflasi tahun ke tahun bagi makanan di rumah terus menyederhana kepada 4.3 peratus, manakala inflasi makanan di luar kekal pada 8.1 peratus. - *Bernama*